

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN  
(BAYAN BARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.06.2014**

**Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kronologi dan status terkini dalam penswastaaan Keretapi Tanah Melayu Bhd. Nyatakan sama ada penswastaaan dilakukan secara tender terbuka, nama syarikat-syarikat yang memasuki tender tersebut dan syarikat yang berjaya dipilih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2003 Kerajaan telah

menerima cadangan awal daripada syarikat MMC Corporation Bhd (MMC) untuk melaksanakan kajian ketekunan wajar (*due diligence*) bagi tujuan penswastaaan KTMB dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Kerajaan. Bagaimanapun, pada tahun yang sama MMC telah mengemukakan cadangan susulan yang melibatkan usaha sama antara MMC dan KTMB untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan dan operasi KTMB. Susulan dari itu, MMC pada 12 Mac 2014 telah mengemukakan cadangan terbaru menggunakan kaedah perkongsian bijak antara KTMB dan MMC dengan memfokuskan pengambilalihan perkhidmatan kargo KTMB sahaja.

Sehingga kini, Kerajaan masih belum membuat sebarang komitmen atau keputusan berkenaan dengan cadangan yang telah dikemukakan kerana Kerajaan sedang giat melaksanakan inisiatif transformasi sendiri melalui Makmal Transformasi KTMB yang disertai oleh pelbagai Agensi Kerajaan berkaitan bagi tujuan untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan dan operasi KTMB. Hasil makmal berkenaan akan dibentangkan kepada Kerajaan dalam tempoh waktu terdekat bagi mendapatkan pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat sama ada penswastaan dilaksanakan secara tender terbuka, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa menerima cadangan-cadangan penswastaan daripada pihak swasta yang berhasrat untuk mengambil alih sebahagian atau keseluruhan pemilikan syarikat-syarikat milik Kerajaan. Namun, dalam membuat keputusan mengenainya, Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan berhati-hati dengan meneliti asas dan justifikasi cadangan yang dikemukakan terutamanya yang dapat memberikan manfaat dari segi nilai pulangan terbaik kepada Kerajaan dan rakyat. Untuk itu, kajian ketekunan wajar atau *due diligence* lazimnya akan dilaksanakan tanpa mengikat sebarang komitmen Kerajaan terhadap cadangan yang dikemukakan. Kerajaan juga tidak menolak kemungkinan untuk mendapatkan lebih banyak cadangan supaya pertimbangan dan keputusan yang dibuat benar-benar telus dan berintegriti.